

Kuala Lumpur

1,057 kes tipu makan angin difailkan

Sebanyak 1,057 kes membabitkan penipuan pakej pelancongan difailkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sejak 2016 hingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia membabitkan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM3 juta ‘dianugerahkan’ TTPM kepada pihak yang menuntut.

“Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan harus patuh dalam tempoh 14 hari daripada tarikh award (anugerah) dikeluarkan,” katanya, semalam.

Beliau menjawab soalan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) mengenai sejauh manakah keberkesanan TTPM dalam membantu rakyat pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata, untuk tempoh lima bulan



SAIFUDDIN

pertama tahun ini, tuntutan tebus rugi tertinggi yang difailkan membabitkan 196 kes penipuan pembelian barangan telefon, kereta (160 kes), barangan elektrik (145 kes) dan perabot (122 kes).

Menurutnya, untuk perkhidmatan pula, agensi pelancongan mencatatkan aduan tuntutan tebus rugi tertinggi iaitu sebanyak 202 kes, pengubahsuaian rumah (196), pendidikan (102 kes) dan pembaikan kenderaan (112 kes).